

# PM tegur ahli Umno tidak tahu prinsip

BH 12 JUN 1987

LABUAN, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menegur sikap sesetengah ahli dan pemimpin Umno yang tidak memahami perjuangan serta falsafah parti kerana terlalu memikirkan kepentingan peribadi.

"Mereka yang hanya memikirkan kepentingan peribadi tidak ada tempat dalam Umno," katanya ketika berucap di satu perjumpaan dengan kira-kira 200 ahli Umno Labuan di sini petang ini.

Presiden Umno berkata, jika ahli dan pemimpin Umno tidak mengutamakan kepentingan peribadi, maka Umno sendiri akan musnah dan orang Melayu dan Islam akan berpecah sesama sendiri.

Beliau berkata, penyakit tidak faham falsafah parti yang berlaku dalam Umno sekarang berpunca daripada golongan tertentu yang cuba menghalang perjalanan parti.

Perdana Menteri memberi con-

## Oleh LICHONG ANGKUI

toh tindakan mahkamah yang diambil oleh segelintir ahli Umno mengenai 12 cawangan parti itu yang dikatakan tidak sah baru-baru ini.

"Sebenarnya orang yang melakukan tindakan ini tidak mempunyai semangat Umno dan sengaja mahu menghalang perjalanan Umno.

### Beranggapan

"Mereka beranggapan akan mendapat kepentingan apabila menyertai Umno walhal perjuangan parti sebenarnya adalah untuk perpaduan rakyat dan kemajuan negara keseluruhannya," katanya.

Oleh itu, kata Datuk Seri Mahathir, mereka yang hendak menyertai Umno mestilah memahami falsafah perjuangan dan prinsip parti terlebih dahulu.

"Jika tidak dapat memenuhi ke-

hendak ini, maka adalah lebih baik mereka tidak menyertai Umno," katanya.

Menurutnya, Umno hanya mengkehendaki orang yang dedikasi serta menghormati dasar parti dan tidak bertindak secara melulu.

Sehubungan itu, beliau mengajak ahli-ahli Umno yang berjumlah kira-kira 1.4 juta sekarang supaya menilai sejauh mana komitmen mereka terhadap parti.

Perdana Menteri juga mengulangi ingatannya kepada ahli-ahli Umno supaya tidak berpuak-puak, sebaliknya kembali bersatu kerana pemilihan pucuk pimpinan parti sudah berlalu.

Secara berseloroh, beliau berkata: "Kini tidak sepatutnya wujud team A, B, C dan sebagainya."

Beliau seterusnya mengingatkan ahli dan pemimpin Umno, terutama di peringkat bahagian, supaya jangan berlagak besar kerana lambat laun mereka akan disingkirkan oleh rakyat.

Menurutnya, jika berlaku sebarang masalah yang berkaitan dengan Umno, ia hendaklah dirujuk mengikut saluran tertentu seperti mengemukakanya menerusi Badan Perhubungan Umno Negeri atau Majlis Tinggi (MT) Umno.

"Umno cintakan perpaduan, terutama di kalangan orang Melayu dan Islam dan segala masalah itu wajar diselesaikan secara muafakat.

"Perpecahan dapat dihindarkan jika rakyat negeri ini saling faham memahami antara satu sama lain tanpa mengira asal dan keturunan mereka," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahu rakyat mengikis sikap membeza-bezakan antara orang Semenanjung, Sabah dan Sarawak, dan sebaliknya menganggap diri mereka sebagai orang Malaysia.

Mengenai Umno di Labuan, Perdana Menteri berharap pemimpin-pemimpin tempatan berusaha meningkatkan kefahaman kepada rakyat agar benar-benar memahami matlamat perjuangan parti.

Katanya, kekalahan Umno di Labuan dalam pilihanraya umum lalu menunjukkan kurangnya penjelasan kepada rakyat mengenai dasar-dasar dan perjuangan Umno yang sebenarnya.